

### KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

Pinjaman dibahagikan kepada 2 kategori iaitu *al-'ariyah* dan *al-qard*.

*Al-Ariyah* hanya melibatkan barang atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal contohnya kereta .

**Sekiranya barang tersebut merupakan barang yang mudah musnah seperti sabun , maka akad pinjaman tersebut tidak sah .**

*Al-Qard*pula ialah pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barang dan diganti mengikut timbangan .

### DEFINISI AL-QARD

*Al-Qard*: bahasa bermaksud *al-qat'u* (potong)

Istilah : *al-Qard*merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut sama nilai dengan harta yang telah diambil oleh penghutang tanpa sebarang penambahan .

ia dilarang membuat sebarang penambahan kerana ia amat ditegah dalam Islam kerana ia dianggap sebagai *riba'*

### LARANGAN RIBA

Larangan *riba* adalah jelas lagi nyata berdasarkan kepada firman Allah S.W.T dalam surah *al-Baqarah* ayat 275 ;

وَأَحْلَلَ اللَّهُ الْأَنْعَمَ وَحَرَمَ الْإِنْجَارَ

Maksudnya ; Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan *riba* .

Allah S.W.T juga telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar tidak memakan *riba* sebaliknya mereka disuruh supaya bertakwa hanyalah kepada Allah S.W.T .

Selain itu , dosa orang yang melakukan *riba* juga adalah amat berat di sisi Allah S.W.T .

### PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

Prinsip muamalah Islam secara jelas mengharlamkan jual beli yang mempunyai unsur *riba* .

*al-Qard al-Hasan* bermaksud pinjaman yang baik .

ia merupakan kebaikan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan tanpa dikenakan tambahan .

### HUKUM AL-QARD AL-HASAN

Hukum perlaksanaan *qard hasan* adalah **sunat** .

### RUKUN AL-QARD

**PEMIUTANG** (orang yang memberi hutang)

**PENGHUTANG \ PEMINJAM** (orang yang berhutang)

### BARANG YANG DIPINJAM

**SIGHAH** (*jab* dan *qabul*)

### BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN

- **Institusi zakat** : Mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi .
- Golongan yang berkemampuan untuk mengeluarkan zakat mampu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik .
- Dapat memupuk nilai simpati dalam setiap individu .

### JENIS ASNAF



### PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

- Setiap hutang yang dibuat mestilah ditulis bagi memastikan pihak-pihak yang berkontrak khususnya menyedari komitmen diri untuk membayar kembali hutang .
- Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap peminjam yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang walaupun telah dipersetujui pada awal kontrak .

### OBJEKTIF AL-QARD AL-HASAN

- Membantu golongan yang memerlukan .
- Menjadi salah satu jalan dakwah kepada golongan bukan Islam bahawa Islam itu indah kerana tiada kezaliman dilakukan walaupun dalam pinjaman .
- Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan di akhirat serta disenangi oleh sekalian makhluk .

### GEJALA CETI HARAM

Kegiatan ceti haram ialah **bertentangan dengan ajaran Islam** mengandungi unsur *riba* dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah serta tidak memperoleh sebarang manfaat .

ia juga melibatkan Ah Long yang sentiasa menggunakan keganasan untuk memastikan penghutang membayar dengan kadar yang telah ditetapkan mereka .

### KESIMPULAN



By **nabilah azman** (Nabilah Azman00)  
[cheatography.com/nabilah-azman00/](https://cheatography.com/nabilah-azman00/)

Sebagai seorang muslim , kita haruslah menitikberatkan kepentingan agama sepanjang kehidupan sehari-hari serta ditunjukkan sifat yang baik agar mendapat ganjaran di akhirat malah mampu menarik perhatian kepada orang bukan Islam . **Islam itu mudah , silap jika ia dimudah-mudahkan serta diambil mudah** . Semoga kita tergolong dalam golongan yang sentiasa beramal soleh serta sentiasa mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat , inshaAllah .

Published 16th June, 2020.  
Last updated 20th June, 2020.  
Page 1 of 2.

Sponsored by **Readable.com**  
Measure your website readability!  
<https://readable.com>